

Sistem Bahasa

Bahagian A

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Puan Maria terharu _____ anak tirinya sanggup berkorban untuk dirinya.
A dan C sejak
B atau D kerana
- Program sambutan Hari Malaysia dapat memberikan _____ kepada murid tentang sejarah pembentukan Malaysia.
A permulaan C pendedahan
B pendidikan D pemberitahuan

Soalan 3

Ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- Zamri akan menonton televisyen di ruang tamu apabila terdengar jeritan wanita.
A B C
Tiada kesalahan.
D

Soalan 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- I Puan Ain membuka pakaian anaknya untuk dimandikan.
II Raju mengetuk pintu bilik kakaknya sebelum membuka pintu.

III Pembinaan kompleks beli-belah itu telah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk di kawasan tersebut.

IV Rosnah membuka radio untuk mendengar muzik.

- I dan II sahaja
- III dan IV sahaja
- I, II dan III sahaja
- II, III dan IV sahaja

Soalan 5

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- Banyak program Hari Kemerdekaan yang diadakan di sekolah telah disertai oleh saya.
A telah saya sertai
B telah disertai saya
C telah saya menyertai
D telah disertai oleh saya

Soalan 6

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- Peribahasa yang berikut berkaitan dengan seseorang yang kembali ke tempat asalnya, kecuali
A ikan pulang ke lubuk
B sirih pulang ke gagang
C di mana ada gula di situ ada semut
D setinggi-tinggi terbang bangau hinggap di belakang kerbau juga

Bahagian B

1 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(a) Murid pra sekolah itu beratur sebelum menaiki bas ke Muzium Negara.

(b) Mulai tahun depan, Puan Mazni akan mengajar pada sesi petang.

(c) Pemimpin itu melawat mangsa tanah runtuh di kawasan pendalaman Sabah.

2 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(a) Cikgu Rauhah belum menetapkan sama ada Azri dan Ganesh yang akan dilantik untuk mengetuai perarakan itu.

(b) Kehidupan Datin Fatimah semakin mewah sekarang malah hidupnya tidak tenang.

(c) Puan Syakila memaklumkan yang dia tidak dapat menghadiri mesyuarat petang nanti.

3 Lihat bahan di bawah dengan telitinya. Berdasarkan bahan tersebut, tulis dua peribahasa yang sesuai.



(a) _____

(b) _____